

Penutupan agensi AS beri kesan kepada dunia

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Isu penutupan operasi beberapa agensi Amerika Syarikat (AS) dilihat turut memberi kesan terhadap ekonomi dunia.

Pengerusi Gabungan Badan Ekonomi Melayu, **Tan Sri Abdul Rahim Tambi Chik (gambar)** berpendapat, situasi yang berlaku di AS sedikit sebanyak akan memberi impak terhadap ekonomi global memandangkan negara itu memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan di seluruh dunia.

“Saya berpendapat situasi yang berlaku bukan sahaja akan membawa kesan negatif ke atas ekonomi negara itu malah turut memberi impak terhadap ekonomi di Eropah dan Asia.

“Apabila jentera kerajaan tidak berfungsi, maka banyak aktiviti tidak dapat dijalankan termasuklah aktiviti perdagangan dengan negara-negara lain dan Malaysia tidak terkecuali,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas tentang sebahagian daripada agensi utama kerajaan AS yang masih lumpuh ekoran perbalahan berhubung Rang Undang-Undang Penjagaan Kesihatan Presiden, Barack Obama masih belum selesai.

Kata Abdul Rahim, keadaan di AS tidak mustahil berlaku di Malaysia sekiranya tiada kesepakatan dan kesefahaman antara parti politik.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia, **Prof. Datuk Ahmad Zubaidi Baharumshah** berkata, masih terlalu awal untuk membuat sebarang penilaian tentang kesan situasi di AS terhadap ekonomi negara dan dunia kerana isu tersebut masih di peringkat perbincangan.

“Masih terlalu awal untuk kita membuat sebarang penilaian kerana buat masa ini, AS sedang berusaha untuk mengawal situasi tersebut dan saya tidak merasakan situasi seperti ini boleh terjadi di negara kita jika kita mengamalkan persefahaman politik dan kerjasama,” katanya.

